

IMPACT dapat sambutan baik — PM

UM - 8/5/2008

Oleh HABIBAH OMAR

SEPANG 7 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penubuhan Institut Kerjasama Pelbagai Hala Antarabangsa Memerangi Keganasan Siber (IMPACT) di Cyberjaya mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat antarabangsa.

Perdana Menteri memberitahu, ini kerana mereka menganggap Malaysia adalah sebuah negara yang sesuai untuk memulakan inisiatif tersebut berikutan keperluan yang sangat dirasai untuk membendung ancaman siber pada masa ini.

"Kita tidak boleh pertahankan atau mematahkan ancaman yang ada tetapi dalam hal ini kita perlu berada di hadapan dengan usaha memperbaikinya mesti dilakukan secara berterusan.

"Saya jangkakan kalau boleh sebelum akhir tahun ini kita boleh memulakan pelaksanaannya dan selepas itu langkah selanjutnya untuk memperkembangkan projek ini akan diambil. Ia tak boleh dilaksanakan sekali gus dan selesai begitu sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sekembalinya daripada lawatan selama 10 hari ke Kepulauan Caribbean dan Amerika Syarikat (AS) di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), di sini hari ini.

Hadir sama menyambut kepulangan beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Ketika di Austin, Texas, Abdullah

telah mengumumkan penubuhan institut antarabangsa pertama di dunia bagi menentang keganasan siber yang akan ditempatkan di Cyberjaya.

Pusat berkenaan yang ditubuhkan dengan usaha sama awam dan swasta akan dikenali sebagai Institut Kerjasama Pelbagai Hala Antarabangsa Memerangi Keganasan Siber (IMPACT).

Menurut Perdana Menteri, projek itu perlu menjadi projek yang sentiasa ditingkatkan keupayaannya kerana ancaman siber ini akan berterusan selain memahami teknologi yang digunakan.

"Jika kita ketinggalan maka ia tidak akan memberikan keberkesanan langsung," katanya.

Dalam pada itu ketika diminta mengulas mengenai lawatannya ke AS, Abdullah berkata, Kongres Sedunia Mengenai Teknologi Maklumat (WCIT) yang diadakan di Austin itu merupakan satu forum terbesar yang membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan dengan pihak industri luar yang terlibat dengan perniagaan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Jelasnya, kehadiran pihak industri yang begitu banyak telah membawa satu kesan yang baik kepada peserta yang datang dari negara lain.

"Secara umum, laporan yang diperoleh daripada peserta kita ialah forum itu menekankan tentang pendirian kepada pembangunan industri ICT yang mereka anggap sebagai pendekatan yang baik.

"Mereka juga dapat melihat banyak maklumat berkaitan ICT," katanya.

Mereka menganggap Malaysia adalah sebuah negara yang sesuai untuk memulakan inisiatif tersebut berikutan keperluan yang sangat dirasai untuk membendung ancaman siber pada masa ini

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut oleh Najib Tun Razak dan orang ramai sebaik sahaja tiba di KLIA dari Kepulauan Caribbean dan Amerika Syarikat semalam.